

# Qalam

KDN 434

---

---

155      Muharam      1383,Jun      1963      60      sen

---

---

## Bantuan Ekonomi kepada Perusahaan Melayu

Salah satu usaha kerajaan adalah membantu perusahaan orang-orang melayu. Ini adalah sentiasa disebut, terutamanya kerana memandang bahawa ekonomi orang-orang melayu yang menjadi penduduk negeri itu sangat terkebelakang.

Tidak putus-putusnya diucapkan dan dicari jalan untuk membantu perusahaan melayu. Rancangan-rancangan telah dibuat daripada suatu jawatankuasa kepada satu jawatankuasa namun keadaan ekonomi orang-orang melayu boleh dikata tidak adapun yang dapat maju dan melangkah ke hadapan.

Sebaliknya masa berjalan dan persaingan didalam perusahaan itu dengan bangsa asing semakin kencang sehingga didalam beberapa bahagian hampir-hampir tidak berupaya perusahaan-perusahaan melayu untuk menghadapiya. Kedudukan perusahaan perniagaan orang-orang melayu bukanya menghadapi kemajuan tetapi harus akan menghadapi keruntuhan.

Jawatankuasa dengan jawatankuasa, rancangan dengan rancangan, bukanlah suatu kerja yang tidak berharga, tetapi kalau rancangan-rancangan itu tidak diamalkan maka sudah tentu tidak membawa faedah.

Ada dua jalan yang patut diperhatikan didalam menghadapi perbaiki ekonomi orang-orang melayu.

Yang pertama: Perusahaan-perusahaan melayu yang ada dibantu dengan diberi kerja-kerja atau kelapangan-kelapangan yang membolehkan mereka hidup terus.

Yang kedua : Bantuan kepada orang-orang baharu dengan melalui dua cara:

- 1) Pemimpin
- 2) Latihan

Pimpinan hendaklah diberi kepada perusahaan-perusahaan baharu.

Ini ialah selain daripada bantuan-bantuan yang mustahak untuk mereka.

Latihan hendaklah diadakan. Latihan-latihan hendaklah dengan jangka panjang. Sekolah-sekolah perniagaan hendaklah dibuka dan tempat-tempat latihan untuk mereka mengamalkan pengajiannya hendaklah diadakan dan kemudian mewajibkan perusahaan mengambil mereka(sebagai pelatih) dalam kerja-kerja berniaga.

Kita berpendapat dengan cara ini sahaja bantuan ekonomi kepada orang-orang melayu dapat dijalankan. Perusahaan-perusahaan yang ada mestilah dibantu.

Tiap-tiap jabatan kerajaan hendaklah membantu perusahaan-perusahaan melayu. Kepada mereka janganlah didedahkan semata-mata diatas tender dan berlawan dengan perusahaan asing didalam mendapat kerja-kerja itu. Jika mereka berlawan sudah tentu perusahaan melayu tidak akan dapat berlawan.

Kerana itu dasar kepada lebih murah yang biasa  
dijalankan bagi tender-tender yang terbuka kepada umum itu  
mestilah ditiadakan dan kerajaan hendaklah memberi peluang  
supaya keistimewaan diberi kepada perusahaan itu dengan  
mengadakan (kuota) untuk bahagian melayu.

Inilah jalan jalan yang kita berharap difikirkan oleh  
kerajaan.

Jangan segan-segan bertindak

Menurut sebuah akhbar tempatan bahawa kedutaan  
Indonesia telah membuat kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan  
di Persekutuan Tanah Melayu.

Terbit daripada ini Tuan Syed Jaafar Albar ahli  
parliament telah meminta kerajaan bertindak dan mengambil  
perhatian yang kuat dan keras dalam hal itu.

Kita telah beberapa kali menulis dan memperingatkan  
betapa pihak-pihak kedutaan Indonesia berpuluh-puluh tahun  
sudah lamanya berleluasa untuk mempengaruhi rakyat negeri  
ini untuk taat kepada kerajaan Indonesia.

Kita telah juga membawa perhatian bagaimana dari  
satu ke satu masa, didalam keraian-keraian sambutan  
ulang tahun kemerdekaan Indonesia yang diadakan  
di Singapura dan Pulau Pinang disusun dengan menjemput  
(mengambil) orang-orang dari Muar ke Parit Buntar dengan perbelanjaan-perbelanjaan  
yang dibayar oleh kerajaan-kerajaan Indonesia.

Bagaimana pula halnya dengan berleluasa kebudayaan  
dan sastera Indonesia merempuh Malaya sehingga

menjadikan anak-anak kita lebih keindonesiaan daripada kemelayaan.

Ini semuanya adalah sebagai langkah pertama  
Indonesia untuk menjajah Malaya. Kemudianya orang-orang  
yang sudah dipengaruhi mereka itu kelak akan jadi  
sayap kelima untuk membinasakan melayu, jika terjadi  
sesuatu perkara yang tidak diinginkan.

Dengan keadaan-keadaan ini kita adalah menyertai Tuan  
Syed Jaafar Albar menuntut supaya kerajaan menumpukan  
perhatian kepada apa-apa perbuatan berbahaya untuk  
keselamatan tanah melayu daripada anasir-anasir yang bakal  
meruntuhkan persekutuan tanah melayu sedikit demi  
sedikit.

Kita berkeyakinan terus-menerus bahawa selagi  
Sukarno memerintah, maka cita-citanya yang pertama ialah memasukkan  
Malaya seterusnya Malaysia ke dalam pemerintahan Indonesia.  
Ramalan ini bukanlah olok-olok tetapi keadaan akan  
menunjukkannya. Sukarno akan mengorbankan rakyatnya  
ke dalam neraka dunia, asalkan sahaja cita-citanya sampai  
malangnya bagi umat Indonesia, terutamanya bangsa Jawanya  
umumnya, jiwanya telah runtuh seperti keadaan jiwa  
Bani Israel di zaman Firaun. Mereka tidak berupaya  
bangkit melainkan ada pemimpin yang memimpin mereka kepada  
kesedaran.



**Sudah siap:**

**P E R S U R A T A N M E L A Y U I I I**

**\$7.00 sa-naskhah**

Penerbitan Qalam: